



**PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM DAN PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN
MELALUI SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DI BAWAH SISTEM
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

PENDAFTARAN PELATIH

1 SEPTEMBER 2020

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

	M/S
1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 TAFSIRAN	4
3.0 SENARAI KEPENDEKAN	6
4.0 KRITERIA PELATIH	7
5.0 SYARAT PENDAFTARAN PELATIH	8
6.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENDAFTARAN PELATIH	10
6.1 Prosedur Umum	10
6.2 Permohonan Pendaftaran Pelatih Ulang Nilai	11
6.3 Permohonan Pindaan Maklumat Pendaftaran	11
6.4 Permohonan Pembatalan Pelatih	14
7.0 TARIKH KUATKUASA	15

PANDUAN PENTAULIAHAN PROGRAM DAN PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA - PENDAFTARAN PELATIH

1.0 PENDAHULUAN

Pendaftaran pelatih bagi mengikuti latihan kemahiran di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan mana-mana program yang membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC) di mana-mana Pusat Bertauliah (PB), memerlukan seseorang individu itu berdaftar secara sah dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Pendaftaran pelatih perlu dibuat bagi membolehkan seseorang pelatih itu dipersijilkan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan merupakan salah satu syarat bagi penganugerahan SKM, DKM, DLKM dan PC.

Panduan Pentauliahan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia - Pendaftaran Pelatih (selepas ini dirujuk sebagai "Panduan ini") adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai syarat, prosedur dan kaedah pendaftaran pelatih melalui SLaPB kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan semua peraturan serta panduan lain yang sedang berkuatkuasa, seperti berikut:

- i. Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;
- ii. Panduan Pentauliahan Program dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentauliahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia – Pensijilan Program Tahap Tunggal;
- iii. Panduan Pentauliahan Program dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentauliahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia – Pensijilan Program Modular;
- iv. Panduan dan Syarat Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Pelatih Antarabangsa Dalam Negara (Pindaan September 2015)
- v. Panduan dan Peraturan-peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia - Sistem Penilaian;

- vi. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj); dan
- vii. Mana-mana panduan dan peraturan lain yang berkaitan.

2.0 TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**Akta 652**” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652];

“**Ketua Pengarah**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“**pelatih**” ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“**pentauliahan**” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“**program**” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“**program bertauliah**” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“**pusat bertauliah**” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“**Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard-NOSS*)**” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

“**mod sepenuh masa**” ertinya pelaksanaan latihan kemahiran sekurang-kurangnya 20 jam dan tidak lebih daripada 40 jam seminggu;

“mod separuh masa” ertinya pelaksanaan latihan kemahiran kurang daripada 20 jam seminggu;

“kapasiti pelatih” ertinya bilangan maksimum pelatih bagi setiap program yang telah diluluskan oleh KPPK berdasarkan kepada keupayaanPB untuk melaksanakan latihan pada satu-satu masa;

“program penuh” ertinya program jangka panjang mengikut tahap atau program tahap tunggal yang direkabentuk pelaksanaannya memberikan hasil pembelajaran satu NOSS lengkap yang boleh membawa kepada penganugerahan SKM, DKM atau DLKM;

“program modular” ertinya program jangka pendek yang direkabentuk terdiri daripada satu (1) atau gabungan beberapa CU yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC);

“Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)” ertinya sistem latihan yang dilaksanakan sepenuhnya di satu-satu Pusat Bertauliah.

3.0 SENARAI KEPENDEKAN

CU	-	<i>Competency Unit</i>
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
LI	-	Latihan Industri
SKK	-	Standard Kompetensi Kebangsaan
NCS	-	<i>National Competency Standard</i>
SKPK	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
PB	-	Pusat Bertauliah
PC	-	Penyata Pencapaian
PLK	-	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	-	Pegawai Penilai
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalaman
PPL	-	Pegawai Pengesah Luaran
SKM 1	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	-	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SLaPB	-	Sistem Latihan Program Bertauliah

4.0 KRITERIA PELATIH

PB hendaklah memastikan pelatih yang hendak didaftarkan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a. Memenuhi syarat umur seperti Jadual 1;

Jadual 1: Had Umur Pelatih Mengikut Kategori Program

Kategori program	Umur Pelatih ^{1,2}
Program Penuh - Mengikut Tahap - Tahap Tunggal (<i>Single-Tier</i>)	Tiada had umur
SKK (NCS)	Tiada had umur
Program Modular	18 tahun dan ke atas

¹Had umur ini tertakluk kepada syarat umur yang ditetapkan dalam NOSS dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).

²Bagi pelatih antarabangsa (AB), syarat umur adalah 16 hingga 35 tahun.

- b. Boleh membaca, menulis dan mengira dalam Bahasa Malaysia untuk pelatih tempatan;
- c. Mempunyai SKM tahap yang rendah untuk mendaftar SKM tahap yang lebih tinggi dalam laluan program yang sama;
- d. Memenuhi pra syarat atau apa-apa keperluan yang ditetapkan dalam NOSS atau CU berkenaan;
- e. Bagi pendaftaran pelatih program di bawah bidang pemandu pelancong yang dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), pelatih perlu memenuhi semua kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh MOTAC;
- f. Bagi pendaftaran pelatih program perantisan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), pelatih perlu memenuhi semua kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh PSMB;
- g. Memenuhi syarat-syarat tambahan lain yang ditetapkan oleh PB; dan


- h. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh KPPK dari masa ke semasa.

5.0 SYARAT -SYARAT PENDAFTARAN PELATIH

PB hendaklah mematuhi syarat-syarat pendaftaran pelatih seperti berikut:

- a. PB dibenarkan mendaftarkan pelatih mereka bagi program yang ditauliahkan sahaja.
- b. PB hendaklah mendaftarkan pelatih mereka mengikut kapasiti yang diluluskan bagi program tersebut. Kapasiti yang diluluskan adalah tertakluk kepada keupayaan PB dan merangkumi jumlah pelatih tempatan dan antarabangsa (sekiranya berkaitan dan pengambilan pelatih antarabangsa perlu mendapat kelulusan JPK).
- c. PB yang telah diluluskan untuk pengambilan pelatih antarabangsa perlu mematuhi pelaksanaan pengambilan pelatih antarabangsa seperti yang telah ditetapkan oleh JPK.
- d. Seorang Pegawai Penilai (PP) boleh dilantik untuk beberapa kumpulan pelatih dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan kumpulan pelatih pertama (1) yang telah didaftarkan. PB perlu mematuhi syarat berikut :
 - i. Tarikh latihan yang sama
 - ii. Program yang sama bagi semua kumpulan pelatih terlibat
 - iii. Jumlah maksimum pelatih adalah 25

Rajah 1: Pelaksanaan pendaftaran pelatih menggunakan PP yang sama bagi beberapa kumpulan pelatih



- e. PB hendaklah menggantikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tertinggal bagi kumpulan pelatih kedua dan kumpulan pelatih seterusnya dalam tempoh 60 hari tersebut.
- f. Penambahan pelatih ke dalam kumpulan pelatih yang telah sah berdaftar adalah tidak dibenarkan.
- g. Pendaftaran pelatih boleh dibuat sepanjang tahun kepada JPK beserta bayaran dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelatih mula latihan. Pendaftaran pelatih yang dibuat lebih daripada 60 hari dari tarikh pelatih mula latihan tidak akan dipertimbangkan.
Contoh : Sekiranya tarikh mula latihan kumpulan pelatih adalah 1 Januari 2018, tarikh penerimaan dokumen pendaftaran beserta bayaran hendaklah pada atau sebelum 28 Februari 2018.
- h. Maklumat pendaftaran pelatih mengikut kategori program adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Maklumat Pendaftaran Pelatih Mengikut Kategori Program

Bil	Kategori Program	Bila Pelatih perlu didaftarkan	Tahap didaftarkan
1.	Mengikut Tahap	Dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan	Tahap program berkenaan
2.	Tahap Tunggal	Dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan	Tahap tertinggi kumpulan program bertauliah
3.	NCS	Sekurang-kurangnya 14 hari sebelum latihan bermula	Program NCS berkenaan
4.	Modular	Sekurang-kurangnya 7 hari sebelum latihan bermula	Program modular berkenaan

- i. Tempoh pentauliahan program hendaklah masih sah semasa permohonan pendaftaran pelatih dibuat.
- j. Pelatih hanya dibenarkan berdaftar untuk satu program pada satu-satu masa dan di satu PB sahaja.
- k. Pelatih hendaklah didaftarkan mengikut kategori program, mod dan tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK kepada PB berkenaan.

- l. Pendaftaran pelatih tidak dibenarkan bagi program bertauliah yang dikenakan tindakan penguatkuasaan.
- m. Pendaftaran pelatih tidak dibenarkan bagi PB yang memohon untuk menamatkan program bertauliah.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENDAFTARAN PELATIH

6.1 Prosedur Umum

- a. Pendaftaran pelatih hendaklah dibuat melalui sistem atas talian.
- b. PB boleh membuat bayaran pendaftaran pelatih kepada JPK dalam bentuk *Online Payment*, Pesanan Tempatan, Bank Deraf dan Kiriman Wang. Bagi tujuan tersebut, PB perlu memilih satu medium bayaran sahaja pada satu-satu masa semasa penghantaran maklumat bayaran dibuat melalui sistem seperti di Lampiran 1. Bayaran Fi adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Kadar Bayaran Fi Bagi Permohonan Pendaftaran Pelatih

Bil	Jenis Permohonan Pendaftaran Pelatih	Kadar Bayaran Fi (RM)			Catatan
		Pelatih Tempatan	Pelatih Antarabangsa (AB)		
			Dalam Negara	Luar Negara	
1.	Program Mengikut Tahap	100.00	200.00	200.00	Setiap Pelatih
2.	Program Tahap Tunggal	100.00	200.00	200.00	Setiap Pelatih
3.	Program Modular/NCS/program yang membawa Penganugerahan Penyata Pencapaian	100.00	200.00	200.00	Setiap Pelatih
4.	Pendaftaran Ulang Nilai	100.00	200.00	200.00	Setiap Pelatih

- c. PB yang memilih medium bayaran secara Bank Deraf dan Kiriman Wang perlu mengemukakan perkara-perkara berikut kepada JPK bagi tujuan pengesahan pendaftaran pelatih :
 - i. Slip Pendaftaran Pelatih (dijana melalui sistem);
 - ii. Dokumen sokongan merujuk kepada senarai semak permohonan pendaftaran pelatih (JPK/PENDAFTARAN/01/P4); dan

- iii. Bayaran Fi seperti Jadual 3 hendaklah dibuat atas nama **KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**.
- d. Pelatih disahkan berdaftar setelah resit pendaftaran dikeluarkan (status *Approve Lock*)
- e. Kegagalan PB untuk mematuhi prosedur yang ditetapkan boleh menyebabkan permohonan pendaftaran pelatih ditolak.

6.2 Permohonan Pendaftaran Pelatih Ulang Nilai

- a. Permohonan pendaftaran pelatih ulang nilai dibenarkan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh keputusan verifikasi PPL kali pertama.
- b. Bayaran pendaftaran pelatih ulang nilai perlu dibuat oleh PB merujuk kepada kadar bayaran fi di Jadual 3.
- c. Pelatih yang masih belum terampil selepas tempoh penilaian ulang nilai yang dibenarkan perlu didaftarkan semula sebagai pelatih baharu dan menjalani semula latihan serta penilaian program berkenaan.

6.3 Permohonan Pindaan Maklumat Pendaftaran Pelatih

6.3.1 Pindaan Nama atau Nombor Kad Pengenalan pelatih

- a. Permohonan pindaan maklumat pelatih setelah pendaftaran disahkan hanya boleh dibuat oleh PB sahaja dan tertakluk kepada syarat berikut:
 - i. Pindaan maklumat pelatih hanya boleh dibuat bagi kesilapan abjad pada ejaan nama atau kesilapan digit pada nombor kad pengenalan.
 - ii. Sekiranya pindaan melibatkan kesilapan pada kedua-dua nama dan nombor kad pengenalan, pendaftaran pelatih berkenaan perlu dibatalkan dan didaftarkan semula beserta bayaran fi.

- b. PB perlu mengemukakan permohonan pindaan maklumat pelatih merujuk kepada borang semak permohonan pendaftaran pelatih (JPK/PENDAFTARAN/01/P4).

6.3.2 Pindaan tarikh latihan

- a. PB hanya dibenarkan untuk memohon pindaan tarikh tamat latihan sahaja. Walaubagaimanapun, tempoh latihan adalah tertakhluk kepada tempoh jadual latihan yang sedang berkuatkuasa.
- b. PB perlu mengemukakan permohonan pindaan tarikh latihan merujuk kepada borang senarai semak permohonan pendaftaran pelatih (JPK/PENDAFTARAN/01/P4).

6.3.3 Pindaan Program

Pindaan program bagi pelatih yang telah sah berdaftar adalah dibenarkan dan tertakhluk kepada syarat-syarat berikut :

- a. PB perlu mengemukakan permohonan secara bertulis bagi membatalkan pendaftaran pelatih tersebut. Bayaran pendaftaran terdahulu tidak akan dikembalikan.
- b. Pelatih perlu didaftarkan semula bagi program baharu beserta bayaran fi pendaftaran baharu.

6.3.4 Pemindahan Pelatih

a. Perpindahan Pelatih ke PB Lain

Prosedur permohonan perpindahan pelatih ke PB lain adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Tanggungjawab PB asal:

- i. PB asal perlu mendapatkan surat persetujuan PB baharu untuk menerima perpindahan pelatih.
- ii. PB asal mengeluarkan surat pelepasan pelatih kepada PB baharu.
- iii. PB asal mengemukakan permohonan pembatalan pendaftaran kepada JPK. Bayaran pendaftaran terdahulu tidak akan dikembalikan.

Tanggungjawab PB Baharu:

- i. PB yang menerima pelatih berkenaan perlu mengemukakan permohonan pendaftaran baharu kepada JPK beserta dokumen 6.3.4(a)(i – iii).
- ii. PB yang menerima perlu mengemukakan bayaran pendaftaran baharu.
- iii. Tempoh dan tarikh latihan pelatih ini adalah bermula dari tarikh mula latihan dan pendaftaran di PB baharu.

b. Pemindahan pelatih bagi program Modular dan NCS adalah tidak dibenarkan.

c. Pemindahan pelatih disebabkan oleh penamatan PB :

- i. PB asal perlu mengemukakan salinan *undertaking letter* bagi menyelesaikan pelatih sedia ada dan surat / dokumen persetujuan perpindahan pelatih ke PB baharu.
- ii. PB baharu perlu mendaftarkan semula pelatih tersebut kepada JPK.
- iii. Bayaran pendaftaran menggunakan bayaran di PB asal. Tempoh latihan dibenarkan mengikut pendaftaran asal sekiranya PB boleh mengemukakan bukti latihan, rekod kehadiran dan penilaian pelatih terdahulu di PB asal.

6.3.5 Pendaftaran Dan Persijilan Pelatih Bagi PB Yang Telah Membuat Pindaan Nama Pusat Bertauliah

- a. Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sedia ada seperti nombor kumpulan, maklumat program dan tarikh mula dan tamat latihan.
- b. Persijilan pelatih akan mengikut nama PB yang terkini.

6.3.6 Pendaftaran Dan Persijilan Pelatih Bagi PB Yang Telah Berpindah Premis Latihan

- a. Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sedia ada iaitu nombor kumpulan pelatih dan maklumat program.
- b. PB hendaklah mengemukakan permohonan pindaan tempoh latihan untuk melanjutkan tempoh latihan bagi kumpulan pelatih yang terlibat. Pindaan tempoh ini perlu mengambilkira tempoh latihan yang perlu diganti atau ditambah bagi memenuhi sesi latihan dan penilaian yang tidak dapat dilaksanakan sepanjang proses perpindahan PB ke premis latihan baharu sehingga kepada kelulusan premis baharu.
- c. PB hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan latihan dan persijilan pelatih sedia ada di premis baharu yang diluluskan.

6.4 Permohonan Pembatalan Pelatih


- a. Permohonan pembatalan pelatih yang dilakukan oleh PB boleh dibuat secara di atas talian atau mengemukakan dokumen permohonan seperti di borang senarai semak pendaftaran pelatih (JPK/PENDAFTARAN/01/P4).
- b. Bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pendaftaran pelatih telah dibatalkan atau tidak menamatkan latihan dalam tempoh latihan yang ditetapkan.
- c. Bayaran pendaftaran pelatih yang dibatalkan tidak boleh diganti dengan pelatih yang lain.

7.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan ini mula berkuatkuasa pada **1 September 2020**. Dengan berkuatkuasanya panduan ini, Panduan Dan Syarat Pendaftaran Pelatih Dalam Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bertarikh 1 Januari 2019 (JPK/700/74 (2) Pind. 1 (2018)) dan Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentauliahan 2012 bertarikh 1 April 2012 (JPK/700/74 (2)) adalah terbatal.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran

CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PELATIH BAHARU / ULANG NILAI



Jadual 1: Tempoh Latihan bagi Program Mengikut Tahap

Tahap	Tempoh Latihan (Jam)
L1 sahaja	400 ~ 600
L2 sahaja	400~ 600
L3 sahaja	800 ~ 1200
L2 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	800 ~ 1200
L3 (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	1600 ~ 2400
DKM sahaja	800 ~ 1200 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DLKM sahaja	1200 ~ 1800 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
DLKM (bagi NOSS yang bermula dengan Tahap 5)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri

Jadual 2: Tempoh Latihan bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*)

Kumpulan Program Bertauliah	Tahap Persijilan	Tempoh Latihan (Jam)
A1	Tahap 1, 2 & 3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3)	1600 ~ 2400
A2	Tahap 2 & 3 (Persijilan tahap tunggal SKM 3) (NOSS yang bermula dengan Tahap 2)	1600 ~ 2400
B1	Tahap 1, 2, 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B2	Tahap 2, 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang bermula dengan tahap 2)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B3 (a)	Tahap 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang mempunyai Tahap 1 atau 2)	1600 ~ 2400 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri
B3 (b)	Tahap 3 & 4 (Persijilan tahap tunggal DKM) (NOSS yang bermula Tahap 3)	2400 ~ 3600 (merangkumi Projek Akhir) + 3 bulan Latihan Industri

Kumpulan Program Bertauliah	Tahap Persijilan	Tempoh Latihan (Jam)
C1 (a)	Tahap 3, 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang mempunyai Tahap 1 atau 2)	2800 ~ 4200 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C1 (b)	Tahap 3, 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 3)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C2 (a)	Tahap 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 1 atau 2 atau 3)	2000 ~ 3000 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri
C2 (b)	Tahap 4 & 5 (Persijilan tahap tunggal DLKM) (NOSS yang bermula dengan Tahap 4)	3600 ~ 5400 (merangkumi Projek Akhir) + 6 bulan Latihan Industri

Pelaksanaan Tempoh Latihan

Pelaksanaan tempoh latihan seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- i. Bagi mana-mana tempoh pembelajaran dalam NOSS format baharu yang berada dalam julat minimum dan maksimum, latihan **perlu mengikut tempoh yang dinyatakan dalam NOSS;**
- ii. Bagi tempoh pembelajaran dalam NOSS format baharu yang **lebih rendah daripada ketetapan tempoh latihan minimum**, hendaklah mengikut tempoh latihan **minimum**; atau
- iii. Bagi tempoh pembelajaran dalam NOSS format baharu yang **lebih tinggi daripada ketetapan tempoh latihan maksimum**, hendaklah mengikut tempoh latihan **maksimum**.



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA**

BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN PELATIH

BIL	Jenis Permohonan & Senarai Semak (Sila tandakan \checkmark pada ruangan yang berkenaan)	
1.	Pendaftaran Baharu	<input type="checkbox"/>
	i. Slip Pendaftaran	<input type="checkbox"/>
	ii. Bayaran	<input type="checkbox"/>
	ii. Salinan surat kelulusan permohonan pendaftaran Kursus Asas Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3) / Kursus Pemandu Pelancong Khas Wilayah (Tahap 3) dari MOTAC bagi program Pemandu Pelancong dan Program Pemandu Pelancong Khas Wilayah sahaja.	<input type="checkbox"/>
2.	Pendaftaran Ulang Nilai	<input type="checkbox"/>
	i. Slip Pendaftaran Ulang Nilai	<input type="checkbox"/>
	ii. Bayaran	<input type="checkbox"/>
3.	Pindaan Maklumat Pendaftaran Pelatih (kesilapan nama / kad pengenalan)	<input type="checkbox"/>
	i. Slip Pendaftaran	<input type="checkbox"/>
	ii. Salinan kad pengenalan/ pasport	<input type="checkbox"/>
4.	Pembatalan nama pelatih	<input type="checkbox"/>
	i. Slip Pendaftaran	<input type="checkbox"/>
	ii. Surat permohonan yang mengandungi maklumat pelatih yang hendak dibatalkan beserta justifikasi pembatalan pendaftaran pelatih tersebut	<input type="checkbox"/>
5.	Pindaan Tarikh Latihan	<input type="checkbox"/>
	i. Slip pendaftaran	<input type="checkbox"/>
	ii. Maklumat tarikh latihan baharu	<input type="checkbox"/>
	iii. Takwim Latihan	<input type="checkbox"/>

Tarikh Penerimaan Dokumen Lengkap (Diisi oleh JPK)

MAKLUMAN:

1. Permohonan pendaftaran boleh dibuat secara atas talian atau di Kaunter Bayaran JPK (dengan menyertakan Bank Draf / Kiriman Wang / Pesanan Kerajaan (LO) atas nama **Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran**)
2. Tarikh akhir bayaran pendaftaran adalah **selewat-lewatnya 60 hari selepas tarikh mula latihan.**
3. Permohonan yang tidak lengkap, tidak akan diproses dan dokumen permohonan akan dikembalikan kepada pemohon.
4. Sebarang bayaran pendaftaran calon yang telah dibuat dan telah dikeluarkan resit rasmi jabatan, bayaran tersebut **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PUSAT BERTAULIAH

Nama PB

Kod PB

Negeri

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PROGRAM

Sila senaraikan maklumat permohonan dan perkara yang dimohon

Nama Program

Kod
Program

Tahap

Keterangan Mengenai Permohonan

1.

2.

3.

4.

5.

BAHAGIAN C: PERAKUAN PEMOHON

Saya _____ No. kad pengenalan _____ mengesahkan bahawa semua maklumat permohonan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Jawatan :

Tarikh :

Nota: Sila pastikan Kod dan Nama Program Kemahiran ditulis seperti yang tercatat pada sijil pentauliahan.